

04 JUN 1999

Mahathir-Gaji

KENAIKAN GAJI UNTUK LEBIH 10,000 KAKITANGAN LIMA BADAN BERKANUN

SEPANG, 4 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengumumkan kenaikan gaji antara RM150 dan RM200 bagi lebih 10,000 kakitangan di lima badan berkanun -- Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Bank Simpanan Nasional (BSN), Tabung Haji dan Lembaga Tabung Angkatan tentera (LTAT).

Kenaikan itu ekoran persetujuan kerajaan meluluskan pelarasan gaji kepada kakitangan berkenaan yang berkuatkuasa 1 Jan 1995.

Keputusan itu melibatkan implikasi kewangan sebanyak RM92.4 juta, katanya kepada pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa KL sekembalinya dari lawatan seminggu ke Jepun.

Dr Mahathir berkata kenaikan itu melibatkan "topping-up" (tambahan) RM200 sebulan kepada anggota kumpulan eksekutif dan "topping up" RM150 kepada anggota bukan eksekutif.

Beliau berkata kadar imbuhan tetap keraian dan bayaran pembantu rumah kepada kumpulan eksekutif setaraf dengan Jawatan Utama Sektor Awam (JUSA) juga dinaikkan melibatkan tambahan bayaran kadar imbuhan tetap keraian bulanan di antara RM1,000 dan RM2,000 dan tambahan kadar bayaran pembantu rumah bulanan di antara RM500 dan RM1,000 berkuatkuasa 1 Jan 1996.

Perdana Menteri berkata pelarasan gaji anggota badan berkanun yang diasingkan saraannya daripada sektor awam pada 1992 telah tidak ditimbangan sebelum ini disebabkan antara lain oleh keadaan ekonomi yang tidak mengizinkan.

"Kerajaan amat menghargai kefahaman dan kesabaran anggota di lima agensi telibat, khususnya anggota dari kumpulan sokongan dalam menghadapi keadaan ini," katanya.

Dr Mahathir berkata memandangkan terdapat tanda-tanda positif ekonomi negara mulai pulih, kerajaan bersetuju meluluskan pelarasan gaji itu.

Katanya, kerajaan berharap kelulusan itu akan dapat membantu meringankan beban perbelanjaan anggota di lima agensi berkenaan, khususnya di kalangan anggota kumpulan sokongan, di samping menjadi dorongan kepada semua untuk terus berusaha mempertingkatkan produktiviti kerja.

"Ini tiada kaitan dengan pilihan raya," kata Perdana Menteri merujuk kepada pelarasan gaji lima badan berkanun itu dan pemberian khas payout) RM600 kepada kakitangan awam dan pesara yang diumumkan semalam.

Sebenarnya, kata beliau, kerajaan membuat peruntukan itu semata-mata untuk memenuhi syarat-syarat perkhidmatan.

"Kerajaan meluluskan pembayaran itu untuk memenuhi keperluan negara, bukan keperluan pilihan raya," katanya.

Dr Mahathir berkata kalau semuanya dikaitkan dengan pilihan raya, kerajaan akan membiarkjan sahaja kegawatan ekonomi berlaku tanpa mengenakan langkah-langkah seperti kawalan mata wang.

-- BERNAMA

AR MAI